

Berita Manmin

NO. 9 28 OGOS 2022

“Untuk menghasilkan buah indah yang menyenangkan hati Tuhan”

Ibadat Sambutan Perayaan Menuai 2022 dan Perjamuan Kudus



Gereja kita mengadakan Ibadat Ahad Perayaan Menuai dan Perjamuan Kudus pada 3 Julai dengan disiarkan secara langsung ke seluruh dunia menerusi GCN TV (www.gcntv.org).

Dalam Ibadat Pagi Ahad, video khutbah Pastor Kanan Jaerock Lee yang bertajuk ‘Kuasa’ (1 Tesalonika 5:23-24) disiarkan, dan dalam Ibadat Petang, Dr. Soojin Lee, Pemangku Pastor Kanan, menyampaikan khutbah yang bertajuk ‘Buah yang Menyenangkan Hati Tuhan’ (Kolose 1:10-12; Yohanes 6:53-55).

Dalam bahagian pertama ibadat sebelum Perjamuan Kudus, Dr. Soojin Lee berkata, “Untuk menghasilkan buah indah yang menyenangkan hati Tuhan, kita mesti menyunatkan hati kita dan memupuk tanah hati kita. Kita mesti menerima nasihat, teguran atau ujian dengan kesyukuran untuk menyedari dosa kita lalu menyingkirkannya dan berubah. Kita mesti menunggu dengan sabar dalam iman tanpa digoyahkan oleh situasi atau keadaan.” Beliau berdoa agar semua kerja keras dan ketekunan kita

akan menghasilkan buah indah yang menyenangkan hati Tuhan.

Perjamuan Kudus sebagai bahagian kedua ibadat dirasmikan oleh Dr. Soojin Lee. Ramai anggota Manmin di dalam dan luar negara menghadirinya secara atas talian dan juga di setiap gereja Manmin.

Anggota Manmin terlebih dahulu menyediakan roti dan air anggur yang melambangkan tubuh dan darah Anak Manusia lalu menghadiri Perjamuan Kudus dengan mengingati pengorbanan Yesus dan kasih salib.

“Perjumpaan Doa Nazar Daniel” diadakan sebelum Retret Musim Panas

Dari 10 hingga 30 Julai, “Perjumpaan Doa Nazar Daniel” diadakan selama 21 hari untuk berseru kepada Tuhan dan berdoa dengan topik doa, “Retret Musim Panas Manmin, Relokasi Gereja dan Tajuk-tajuk Doa 2022”.

Perjumpaan doa ini diadakan di setiap gereja dari pukul 9 hingga 11 setiap malam (kecuali Jumaat kerana ada Ibadat Semalam Jumaat), dengan dipimpin oleh Puan Boknim Lee, Pengarah Pusat Doa Manmin. Sesiapa pun dapat menyertainya melalui GCN TV secara langsung

Retret Musim Panas Manmin 2022

Dengan Iman,
Tiada Perkara
yang Mustahil.

“Apa katamu? Jika guru dapat?” jawab Yesus.
“Orang yang percaya kepada Allah dapat
melakukan segala sesuatu.” Markus 9:23

Pengkhutbah: Pemangku Pastor Kanan Dr. Soojin Lee & Puan Boknim Lee

Masa: 1 Ogos (Isnin) – 3 Ogos 2022 (Rabu)


Tempat: Oak Valley Resort di Wonju, Gangwon-do

menerusi Internet (www.gcntv.org).

Gereja kita tidak pernah berhenti berdoa pada setiap hari sejak gereja ini dibuka dengan menurut Firman Tuhan, “Berdoalah sentiasa” (1 Tesalonika 5:17).

Tidak terhitung banyaknya karya Roh Kudus sehingga orang menerima jawapan dan berkat melalui Perjumpaan Doa Nazar Daniel selama 21 hari. Oleh itu, orang Kristian di seluruh dunia menyertainya dengan penuh semangat.

『Roh, Jiwa dan Tubuh』(2) and 『Syurga』(1)&(2) disenaraikan sebagai buku terlaris dalam bahagian buku audio Kedai Buku Kyobo



Buku-buku Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee iaitu buku audio 『Roh, Jiwa dan Tubuh』(2) and 『Syurga』(1) & (2) disenaraikan sebagai tiga buku terlaris dalam bahagian buku audio Kedai Buku Kyobo.

Selain itu, ketiga-tiga buku tersebut menduduki tiga tangga teratas dalam kategori kemanusiaan/sosial/sejarah untuk minggu keempat bulan Jun dan tersenarai sebagai buku terlaris pada bulan Jun (gambar).

『Roh, Jiwa dan Tubuh』(2) dibaca oleh Dr. Soojin Lee, Pemangku Pastor Kanan manakala 『Syurga』(1) & (2) dibaca oleh Diaken Hyungkyung Lee, yang berkhidmat sebagai narator dalam GCN TV dan media yang lain.

Buku audio 『Syurga』(1) menduduki tangga teratas sebagai buku yang terlaris secara keseluruhan sejurus selepas penerbitannya pada tahun lepas, dan pada kali ini juga menduduki tangga teratas dengan penerbitan 『Syurga』(2).

Selain itu, buku audio Dr. Jaerock Lee iaitu 『Pesanan Salib』, 『Ukuran Iman』, 『Kasih: Mentaati Keseluruhan Taurat』, 『Tidak Ada Hukum yang Melarang Perkara-perkara Seperti Itu』, dan 『Roh, Jiwa dan Tubuh』(1) juga tersenarai sebagai buku terlaris bulanan Kedai Buku Kyobo.

Buku audio, yang dengan mudah dapat didengar pada bila-bila masa dan di mana-mana tanpa membawa buku, dapat dibeli dari Kyobo Online Bookstore dan Naver Audio Clip Site.

Berita bergambar

“Kami menerima rahmat melalui ‘Berita Manmin’ dalam bahasa Hindi di India.”



Pengakuan Iman

1. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa Alkitab ialah Firman Tuhan yang sempurna dan tidak bercacat cela.
2. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kesatuan dan karya Tuhan Triniti: Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus.
3. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa kita diampunkaan daripada dosa kita hanya melalui darah penebusan Yesus

Kristus.

4. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kebangkitan dan pengangkatan Yesus Kristus, Kedatangan-Nya yang Kedua, Kerajaan Seribu Tahun, dan Syurga yang abadi.

5. Anggota Manmin mengaku iman mereka melalui “Pengakuan Iman Rasul” pada setiap kali mereka berkumpul dan percaya kepada kandungannya kata demi kata.

“[Tuhan] Dialah yang memberikan hidup dan nafas serta segala sesuatu kepada manusia.” (Kisah Rasul-rasul 17:25)
“Hanya melalui Yesus orang diselamatkan, kerana di seluruh dunia tiada orang lain yang mendapat kekuasaan daripada Allah untuk menyelamatkan kita.” (Kisah Rasul-rasul 4:12)



Oleh Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee

Dalam edisi Berita Manmin yang lepas, saya menyatakan bahawa berdasarkan hukum penebusan tanah (Imamat 25:23-27), Penyelamat umat manusia mesti pertamanya, seorang manusia yang mempunyai roh, jiwa dan tubuh; dan kedua, Dia tidak boleh daripada keturunan Adam yang telah berdosa.

Hari ini marilah kita meneliti kelayakan ketiga dan keempat serta sebab hanya Tuhan Yesus dapat memenuhi kelayakan tersebut untuk menjadi Penyelamat kita.

1. Yesus mempunyai kuasa rohani untuk mengalahkan Iblis

Kekuatan untuk mengalahkan musuh diperlukan untuk menyelamatkan rakan askar yang ditawan di medan pertempuran. Dengan cara yang sama, untuk menyelamatkan manusia yang telah menjadi hamba kepada Iblis, kekuatan rohani diperlukan untuk dapat mengalahkan musuh. Di dalam alam rohani, kuasa datangnya daripada keadaan tidak berdosa. Sama seperti kegelapan disingkirkan oleh cahaya, apabila manusia tinggal sepenuhnya dalam cahaya tanpa apa-apa dosa, mereka dapat mengatasi roh-roh jahat yang tergolong dalam kegelapan.

Ada dua jenis dosa: dosa asal dan dosa yang dilakukan sendiri. "Dosa asal" ialah sifat berdosa yang diwariskan kepada kita daripada Adam dan ibu bapa kita manakala "dosa yang dilakukan sendiri" ialah dosa yang dilakukan orang semasa kehidupan mereka di dunia ini. Orang di dunia ini menetapkan bahawa tidak kira betapa jahat hati seseorang, selagi hati yang jahat tidak menghasilkan perbuatan yang jahat, orang itu tidak dianggap sebagai orang yang "berdosa". Namun begitu, dari segi rohani orang itu sudah menjadi orang yang berdosa apabila dia menyimpan dosa dalam hatinya (1 Yohanes 3:15; Matius 5:28). Seseorang yang berdosa dari segi perbuatan atau dalam hatinya walaupun hanya sekali tidak mempunyai kuasa untuk menyelamatkan manusia.

Selain itu, semua orang yang dilahirkan selepas Adam berdosa dilahirkan dengan dosa asal dan melakukan

Pesanan Salib (9)

Mengapakah Yesus ialah Satu-satunya Penyelamat Kita (2)

"Hanya melalui Yesus orang diselamatkan, kerana di seluruh dunia tiada orang lain yang mendapat kekuasaan daripada Allah untuk menyelamatkan kita"

(Kisah Rasul-rasul 4:12)

dosa sepanjang kehidupan mereka. Sebaliknya, Yesus dikandungkan oleh Roh Kudus dan bukan keturunan Adam. Oleh itu, Yesus dilahirkan tanpa sifat dosa asal. Oleh sebab Yesus mentaati Firman Tuhan dengan sepenuhnya dari saat kelahiran-Nya, Yesus tidak melakukan apa-apa dosa sepanjang kehidupan-Nya di bumi ini (Ibrani 7:26; 1 Petrus 2:22).

Oleh itu, Yesus memiliki kuasa untuk menyelamatkan manusia daripada Iblis dan tidak terikat kepada kutuk Taurat yang menyatakan "kematian adalah upah dosa" (Roma 6:23). Oleh sebab Yesus tidak berdosa, Dia dapat menyelamatkan semua orang yang berdosa dan dengan autoriti rohani-Nya, Dia dapat menguasai segala-galanya di dalam alam semesta.

Peruntukan Taurat tentang alam rohani terpakai bukan sahaja kepada Yesus malah anak-anak Tuhan yang percaya kepada Yesus. Sesiapa yang mengasihi Tuhan dan hidup menurut Firman-Nya memiliki kuasa rohani sehingga apabila mereka mengusir Iblis demi nama Yesus Kristus, Iblis harus tunduk dan pergi.

Saya mempunyai banyak pengalaman sedemikian. Sebelum saya percaya kepada Tuhan, saya sentiasa bergelut untuk membayar biaya perubatan dan kunjungan ke hospital kerana saya menghidap pelbagai penyakit selama tujuh tahun. Walau bagaimanapun, selepas saya menerima Tuhan Yesus, saya hidup menurut Firman Tuhan dan seluruh anggota keluarga saya dilindungi dan sihat tanpa pernah pergi ke hospital.

Selain itu, apabila saya memberi perintah dan berdoa demi nama Yesus Kristus, orang yang menderita pelbagai penyakit yang tidak dapat diubati dan penyakit tahap akhir termasuk kanser, leukemia, AIDS dan pelbagai penyakit lagi telah disembuhkan. Ramai orang buta, pekak dan bisu telah disembuhkan, gas karbon monoksida disingkirkan dan roh-roh jahat diusir.

Tiada seorang pun dalam sejarah manusia kecuali Yesus yang memenuhi kelayakan untuk menjadi Penyelamat. Semua manusia seperti Budhha, Confucius dan Socrates dilahirkan dengan dosa asal sebagai

keturunan Adam; oleh itu hanya Yesus layak untuk menjadi Penyelamat manusia.

2. Yesus mempunyai kasih yang dengannya Dia sanggup mengorbankan nyawa-Nya

Jika seseorang dihukum oleh undang-undang kerana didapati bersalah dalam pembayaran balik hutangnya, dia dapat mengelak daripada hukuman itu jika abangnya yang kaya membayar balik hutang tersebut bagi pihaknya. Semua kekayaan si abang tidak bermakna jika abang itu tidak mengasihi adiknya. Si abang dapat membayar hutangnya hanya apabila dia cukup mengasihi adiknya untuk membayar balik hutang tersebut walaupun dia sendiri menanggung kerugian.

Tanah dapat ditebus berdasarkan hukum penebusan tanah hanya apabila sanak saudara yang terdekat kepada orang yang telah menjual tanahnya sanggup untuk membantunya dengan kasih. Begitu juga halnya dengan penebusan manusia daripada dosa mereka.

Walaupun Yesus memenuhi tiga kelayakan yang pertama sebagai Penyelamat, tetapi tanpa kasih Dia tidak akan menebus orang yang berdosa daripada dosa mereka. Untuk menjadi Penyelamat manusia, Dia perlu melalui banyak penderitaan dan kesedihan akibat “hukuman mati” bagi pihak semua orang yang berdosa. Sehingga akhirnya, Yesus dilayan seolah-olah Dia ialah penjenayah yang paling jahat, tertakluk kepada semua jenis penghinaan dan kebencian, disalibkan, dan dibiarkan untuk menumpahkan semua air dan darah-Nya.

Walaupun terdapat banyak cara untuk melaksanakan hukuman mati ke atas penjenayah, namun berdasarkan hukum alam rohani, Penyelamat yang akan menebus orang yang berdosa daripada dosa mereka bukan sekadar mati tetapi Dia harus digantungkan di atas salib kayu dan menumpahkan darah-Nya sehingga mati. Galatia 3:13 menyatakan, “Tetapi Kristus telah membebaskan kita daripada kutukan yang didatangkan oleh Taurat. Dia melakukan hal ini dengan membiarkan diri-Nya terkutuk kerana kita. Di dalam Alkitab tertulis, ‘Terkutuklah orang yang mati digantung pada pokok.’”

“Kutukan yang didatangkan oleh Taurat” merujuk hukum rohani dalam Roma 6:23, “Kematian adalah upah dosa.” Oleh sebab kematian yang merupakan kutukan yang didatangkan oleh Taurat, menimpa orang yang berdosa berdasarkan hukum alam rohani, cara Penyelamat untuk menyelamatkan manusia daripada dosa mereka juga harus sesuai dengan hukum alam rohani. Hal ini bermaksud bahawa Penyelamat itu harus digantungkan di atas pokok bagi pihak orang berdosa yang telah terkutuk.

Begitu juga halnya dengan Penyelamat yang

menumpahkan darah sehingga mati. Imamat 17:14 menyatakan, “Nyawa tiap-tiap makhluk terkandung di dalam darahnya,” manakala Ibrani 9:22 mengingatkan kita bahawa, “Sebenarnya, menurut Taurat, hampir segala sesuatu disucikan dengan darah. Demikian juga dosa hanya dapat diampunkan jika ada penumpahan darah.” Oleh sebab “darah” adalah sama seperti “nyawa” menurut istilah rohani, darah Penyelamat adalah perlu supaya orang berdosa diampunkan dan menerima kehidupan.

Namun begitu, manusia dapat ditebus daripada dosanya bukan oleh darah mana-mana manusia yang digantungkan pada pokok tetapi oleh darah yang suci dan tidak bercela yang tidak mempunyai apa-apa sifat berdosa. Menurut anda, apakah sebab seorang manusia yang tidak berdosa mati dengan cara sedemikian kejam bagi pihak orang lain?

Pengorbanan sebegini hanya dapat dilakukan apabila individu berkenaan mengasihi orang lain lebih daripada nyawanya sendiri. Dia dapat menjadi Penyelamat hanya apabila Dia cukup mengasihi orang yang berdosa sehingga menanggung penderitaan yang menyedihkan di atas salib bagi pihak mereka. Dengan menunjukkan kasih yang sedemikian kepada manusia, Yesus menjadi Penyelamat kita (Roma 5:7-8).

Saudara dan saudari dalam Kristus, kasih Tuhan tidak berubah dan tidak mementingkan diri. Dengan kasih itu, Tuhan telah memberikan Anak-Nya yang tunggal sekalipun untuk orang yang berdosa. Inilah kasih sejati sehingga Yesus dapat mengorbankan diri-Nya sendiri untuk orang yang berdosa yang menghina dan menyalibkan Penyelamat mereka.

Saya berdoa demi nama Tuhan Yesus agar setiap daripada anda menyedari dengan jelas bahawa Yesus ialah Penyelamat kita, menerima Yesus Kristus, dan bukan sekadar menerima keselamatan tetapi juga memperoleh iman yang sejati dan memimpin tidak terhitung banyaknya orang kembali ke jalan keselamatan.

Berita Manmin

Malay

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaejang-Ro, 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan
(Poskod: 07058)

<http://www.manmin.org/english>

www.manminnews.com

E-mel: manminen@manmin.kr

Penerbit: Dr. Jaerock Lee

Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara



Telefon: 82-2-824-7107
www.gcntv.org
webmaster@gcntv.org



Telefon: 82-2-818-7032
www.manminseminary.org
manminseminaryhq@gmail.com



www.wcdn.org
wcdnkorea@gmail.com



Telefon: 82-2-818-7241
www.urimbooks.com
urimbook@hotmail.com

SOROTAN KHAS

Rahsia mendapat jawapan dengan cepat ialah doa yang menyenangkan hati Tuhan

Kita harus berdoa dengan tekun dengan kasih kepada Tuhan dan Yesus.

Kita harus mengasihi Tuhan Yang Maha Pencipta dan Yesus yang menjadi Penyelamat kita lebih daripada segala-galanya, dan berdoa dengan kasih yang memenuhi hati kita. Tuhan berasa senang hati dengan doa kasih dan memberikan kita jawapan dan berkat yang indah.

Jika kita tahu dan merasakan hati Tuhan yang berkobar-kobar yang mahu semua manusia diselamatkan dan mendapat pengetahuan tentang kebenaran (1 Timotius 2:4), kita akan berdoa dengan lebih bersungguh-sungguh untuk kerajaan Tuhan. Apabila kita mendengar berita tentang orang yang mati akibat kemalangan serius atau bencana alam, hati kita berkobar-kobar untuk keselamatan jiwa-jiwa.

Jika orang yang sakit bukan sahaja berdoa untuk kesembuhannya sendiri tetapi juga untuk orang yang menderita penyakit seperti dirinya, dia dapat menerima jawapan dengan cepat.

Hal ini demikian kerana doa yang sungguh-sungguh dengan kasih kepada jiwa-jiwa dapat menyentuh hati Tuhan dan menerima belas kasihan-Nya, serta layak untuk mendapat jawapan.

Dengan cara ini, hati yang mengasihi Tuhan, mengasihi Yesus, dan mengasihi jiwa-jiwa membuatkan kita berdoa dengan sungguh-sungguh dengan ilham daripada Roh Kudus.

Selain itu, hal ini menjadi laluan untuk mendapat jawapan dengan cepat kerana keadaan sedemikian membantu kita untuk berdoa dengan sungguh-sungguh dengan air mata Tuhan dan hati Yesus.

Kita harus berdoa dengan ikhlas dengan harapan yang sungguh-sungguh bahawa kehendak Tuhan akan dipenuhi.

‘Bersikap benar’ bermaksud tidak berubah, dan ‘melakukan dengan sebaik mungkin dengan keikhlasan dan kesetiaan’.

Jika kita berdoa dengan ikhlas seperti ini, kita dapat berdoa dengan terperinci dengan ilham Roh Kudus tanpa mengulang-ulang perkataan yang tidak bermakna sebagai perkara doa yang sentiasa terlintas dalam fikiran. Apabila kita tekun berdoa untuk kerajaan Tuhan dengan iman dan kasih dari dalam hati kita, Tuhan berasa senang hati terhadap kita.

Sebagai contoh, apabila kita berdoa untuk acara gereja, perkara tertentu terlintas dalam fikiran ketika kita digerakkan oleh Roh Kudus. Kita boleh berdoa untuk pekerja yang menguruskan acara, kewangan, cuaca, dan terutama sekali bagi jiwa-jiwa yang menghadirinya dapat menerima rahmat dan memuliakan Tuhan.

Sebaliknya, sesetengah orang mula-mula berdoa untuk kerajaan Tuhan tetapi tidak lama kemudian berdoa untuk diri sendiri. Selain itu, ada masa-masa tertentu anda berdoa dengan sungguh-sungguh apabila berdoa untuk diri sendiri tetapi apabila anda berdoa untuk kerajaan Tuhan, anda tidak dapat berdoa dengan sungguh-sungguh.

Doa yang mengutamakan kerajaan Tuhan dan melakukan kehendak-Nya dahulu menyenangkan hati Tuhan, jadi tiada doa yang tidak mendapat jawapan (Matius 6:33), dan pertumbuhan iman dapat dicapai dengan cepat.

SOROTAN KHAS

Kita harus berdoa dengan kebaikan, menyingkirkan dosa dan kejahanan dengan menghormati Tuhan.

Seperti yang dinyatakan dalam Mazmur 66:18, “Andaikata aku membiarkan dosa dalam hatiku, pasti Tuhan tidak akan mendengar aku,” jika kita berdoa dengan dosa dalam hati kita, Tuhan tidak akan mendengar doa kita dan kita tidak dapat menerima jawapan. Selain itu, jika anda telah melakukan dosa dengan perbuatan, anda lebih lagi tidak dapat menerima jawapan.

Korban yang dipersembahkan secara formal tanpa menghormati Tuhan tidak diterima oleh Tuhan (Maleakhi 1:10). Menghormati Tuhan bermaksud membenci kejahanan (Amsal 8:13), jadi orang yang menghormati Tuhan menjauhi segala bentuk kejahanan (1 Tesalonika 5:22). Oleh itu, orang yang benar-benar menghormati Tuhan tidak melakukan

dosa atau menyimpan kejahanan dalam hati mereka.

Walaupun anda mengatakan bahawa anda menghormati Tuhan, tetapi jika anda masih bersedih, berasa tidak selesa atau berasa cemburu apabila anda berhadapan dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah bagi anda, atau jika anda berasa tersinggung oleh orang lain, bergaduh dengan mereka, dan berasa kecewa apabila anda berhadapan dengan perkara-perkara yang tidak menurut kehendak anda, hal ini menunjukkan bahawa anda tidak menghormati Tuhan, dan doa anda tidak dapat diterima oleh Tuhan.

Jika anda ialah orang Kristian baharu yang masih lemah dalam iman, Tuhan dapat menerima doa anda dengan mempertimbangkan ukuran iman anda, tetapi jika anda ialah orang Kristian yang sejati, anda mesti menyingkirkan dosa dan mempersempahkan haruman doa yang baik di hadapan Tuhan yang sendiri merupakan kebaikan dan kasih.

“Anak perempuan saya disembuhkan sepenuhnya daripada kerisauan dan kegelisahan.”

Diaken Miryung Choi (Usia 41, Paroki Cina)



Siyoung, anak perempuan saya yang berusia 10 tahun, sentiasa melihat telefon pintarnya ketika covid-19 berterusan.

Kemudian, bermula Mei 2022 dia selalu menangis tanpa sebab, dan kerap menunjukkan kerisauan dan kegelisahan. Pada suatu hari, ketika dia sedang bermain dengan kawan-kawannya, dia menangis dengan cemas kerana kawan-kawannya telah melihat mesejnya atas talian (KakaoTalk), dan kemudian menangis dengan lebih kuat kerana dia berfikir bahawa perkara ini akan menimbulkan masalah yang besar.

Pada 22 Mei, Siyoung menemani neneknya menghadiri perjumpaan doa Paroki Cina. Puan Boknim Lee meletakkan sapu tangan kuasa (Kisah Rasul-rasul 19:11-12) ke dada dan dahi Siyoung serta berdoa baginya. Selepas itu, kerisauan dan kegelisahan Siyoung hilang. Sekarang dia berasa gembira dan tidak lagi menangis. Selepas dia menerima api Roh Kudus, dia menikmati masa berdoa dan bernyanyi lagu pujian dengan kepenuhan Roh Kudus. Haleluyah!

“Kesakitan pada belakang dan kaki akibat kecacatan tulang belakang telah hilang!”

Diaken Bokja Kim (Usia 64, Paroki Cina)



Saya menderita gastrik, otitis media, dan sakit kepala dan bahu. Walau bagaimanapun, ketika saya menghadiri gereja Manmin pada tahun 2008, saya telah disembuhkan daripada semua penyakit melalui doa Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee.

Bermula pada suatu hari dalam tahun 2021, saya merasakan kesakitan pada leher, bahu, belakang dan kedua-dua kaki saya. Saya pergi berjumpa doktor dan melakukan pemeriksaan kesihatan. Doktor berkata bahawa kesakitan ini berpunca daripada tulang belakang saya yang berpintal. Saya dirawat dengan suntikan tetapi gejala itu tidak bertambah baik. Pada tahun 2022, kesakitan pada belakang dan kaki semakin teruk.

Pada 25 Mac 2022 saya menghadiri Perjumpaan Kesembuhan Ilahi menerusi GCN. Ketika saya mendengar khutbah daripada Dr. Soojin Lee, Pemangku Pastor Kanan, saya teringat perkara-perkara yang saya benci dan menghakimi orang lain. Saya bertaubat dan berdoa dengan sungguh-sungguh. Selepas menerima doa untuk orang sakit, saya berasa disegarkan. Kesakitan teruk pada kedua-dua kaki saya sebelumnya telah hilang. Sekarang saya tiada masalah untuk berlutut. Haleluyah!

Kesaksian gembira oleh anggota-anggota baharu Gereja Manmin Nairobi, Kenya

“Rahmat Tuhan telah membimbing saya.”



**Sarah Apiyo
(Usia 40)**

Anak perempuan saya, Maureen, telah menghadiri Gereja Manmin Nairobi sejak tahun 2016. Dia berusia 9 tahun pada ketika itu dan dia sangat mengasihi gereja itu serta banyak bercakap tentang pastornya, Pendeta Myongho Cheong. Dia juga tidur dengan memegang gambar Dr. Jaerock Lee, Pastor Kanan Gereja Pusat Manmin di Korea. Apabila dia jatuh sakit, dia meletakkan gambar itu pada dadanya dan berdoa demi nama Tuhan Yesus serta menerima kesembuhan.

Hal itu sangat menakjubkan tetapi saya tidak suka apa

yang dilakukannya. Oleh sebab keluarga dan jiran saya mengatakan bahawa Gereja Manmin bukan gereja yang baik, saya menganiayainya untuk tidak pergi ke gereja. Namun begitu, Diaken Janet datang ke rumah saya pada setiap hari Sabtu dan memberikan anak saya wang untuk tambang pengangkutan supaya dia dapat pergi ke gereja. Kami tinggal di kawasan setinggan miskin, jadi apabila saya melihat dia menjaga anak saya dengan cara yang tidak berubah, saya mulai menghargainya.

Pada bulan April 2022, saya mendapat satu mimpi bahawa Pendeta Myongho Cheong dari Gereja Manmin Nairobi bersinar sebagai cahaya yang sangat hebat. Selepas bangun dari tidur, saya yakin bahawa Gereja Manmin ialah gereja yang baik, dan saya tidak lagi menganiayai anak

perempuan saya. Selain itu, apabila saya melihat Diaken Janet dengan kasih membelanjai anak saya makan malam pada hari anak saya dibaptiskan, saya berasa sangat tersentuh hati oleh kasih dan keikhlasannya selama ini.

Atas rahmat Tuhan seperti ini, saya akhirnya pergi ke Gereja Manmin Nairobi pada 8 Mei untuk menghadiri ibadat Ahad. Pendeta Myongho Cheong penuh dengan kerendahan hati dan kasih seperti yang saya lihat dalam mimpi saya, dan saya berasa gembira disambut dengan mesra oleh anggota gereja. Rahmat Tuhan yang telah terkumpul bertahun-tahun lamanya telah memimpin saya kepada Manmin. Saya mengucapkan syukur kepada Tuhan kerana menunggu saya dengan kasih. Kini, saya sangat bergembira kerana saya telah menyedari kasih itu.

“Anak lelaki saya yang tidak dapat berjalan dengan baik sudah dapat berjalan dan melompat selepas menerima doa.”



**Susan
(Usia 45)**

Katrick Medes, anak lelaki saya yang berusia 19 tahun, tidak dapat berjalan sejak tahun 2021 akibat lemah pada kedua-dua kaki dan belakangnya serta lutut.

Dia perlu sentiasa dibantu oleh orang lain, dan mengalami banyak kesukaran di sekolah. Oleh itu, dia tidak dapat menjalani kehidupan di asrama dengan baik sehingga perlu balik ke rumah dari masa ke masa. Doktor menyatakan bahawa ini merupakan gejala kekurangan

vitamin D. Dia menjalani rawatan di hospital tetapi keadaan tidak bertambah baik.

Kemudian, saya dan anak yang saya kasihi menghadiri ibadat Ahad Gereja Manmin Nairobi pada 29 Mei 2022 selepas kami diinjili oleh Pastor Boaz.

Saya menerima rahmat yang sangat besar daripada khutbah itu, lalu saya meminta Pendeta Myongho Cheong untuk berdoa bagi anak saya selepas ibadat itu. Pendeta Cheong meletakkan tangannya pada anak saya dan berdoa dengan sapu tangan kuasa (Kisah Rasul-rasul 19:11-12), dan suatu perkara yang menakjubkan terjadi. Sebaik sahaja anak saya menerima doa itu, dia dapat berjalan dan melompat.

Haleluya!

Saya berasa sangat gembira, dan anggota-anggota gereja yang melihat hal ini bersorak kegirangan. Kemudian, anak saya kembali ke asrama sekolah dan menjalani kehidupan dengan baik. Saya memberi kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan kerana melakukan keajaiban yang luar biasa untuk keluarga saya.

